



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 17 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JUMLAH MANGSA BANJIR DI SABAH MENINGKAT, PERAK, SELANGOR MENURUN PETANG INI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1264801/jumlah-mangsa-banjir-di-sabah-meningkat-perak-selangor-menurun-petang-ini	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/09/16/lebih-2000-mangsa-banjir-di-4-negeri-sabah-paling-terjejas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/sabah-catat-jumlah-mangsa-banjir-tertinggi/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/16/number-of-flood-victims-rises-across-4-states	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2025/09/16/flood-evacuees-rise-across-four-states-over-3000-now-in-relief-centres/191299	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) AGIH 1,500 UNIT KIT PENGURUSAN BENCANA		POSITIF
	https://www.nabalunews.com/post/jabatan-kebajikan-masyarakat-jkm-agih-1-500-unit-kit-pengurusan-bencana	NABALUNEWS.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/nadma-director-general-coordinates-sabah-disaster-relief-with-rm10m-fund-FN1491127	THESUN.MY	
	https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2025/09/16/dpm-zahid-nadma-chief-deployed-to-sabah-to-coordinate-rm10m-disaster-relief/191363	MALAYMAIL.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1264786/banjir-sabah-nadma-sudah-diarah-ambil-tindakan-bina-jambatan-bailey-segera	HMETRO.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/755344	MALAYSIAKINI.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BANJIR MUALLIM SEMAKIN SURUT, HANYA SATU PPS DIBUKA		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-muallim-semakin-surut,-hanya-satu-pps-dibuka	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	49 PENDUDUK TERJEJAS BANJIR MASIH BERLINDUNG DI PPS SJKC KEE TEE		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/49-penduduk-terjejas-banjir-masih-berlindung-di-pps-sjkc-kee-tee	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SABAH LANDSLIDE DISASTER CLAIMS 12 LIVES AMID SEVERE FLOODING		NEGATIF
	https://thesun.my/malaysia-news/sabah-landslide-disaster-claims-12-lives-amid-severe-flooding-HM14906199	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BANTUAN BULANAN RM600 BUKAN UNTUK SEMUA WARGA EMAS, JELAS PMO		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/16/bantuan-bulanan-rm600-bukan-untuk-semua-warga-emas-jelas-pmo	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/16/rm600-monthly-aid-not-for-all-senior-citizens-clarifies-pmo	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



17/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	USIA MUDA TAPI SUDAH GALAS TANGGUNGJAWAB JAGA IBU BAPA STROK		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1264577/usia-muda-tapi-sudah-galas-tanggungjawab-jaga-ibu-bapa-strok	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	JENAYAH SEKSUAL BABITKAN GURU INSTITUSI TAHFIZ KES TERPENCIL, TAK GAMBAR REALITI SEBENAR		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1446611/jenayah-seksual-babitkan-guru-institusi-tahfiz-kes-terpencil-tak	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	SUSPEK CABUL BUDAK PEREMPUAN SEDANG BERSEMBUNYI		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/09/16/suspek-cabul-budak-perempuan-sedang-bersembunyi/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/16/police-hunt-man-accused-of-molesting-girl-at-kulai-kopitiam-after-viral-video/191343	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/16/police-hunting-suspect-after-nine-year-old-girl-molested-in-kulai-coffee-shop	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah mangsa banjir di Sabah meningkat, Perak, Selangor menurun petang ini

BERNAMA



Penduduk kampung merenduk banjir yang menenggelamkan jalan utama Hulu Langat di Kampung Sungai Serai semalam. FOTO FAIL BERNAMA

Kuala Lumpur: Jumlah mangsa banjir yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) dan pusat pemindahan kekal (PPK) di Sabah meningkat setakat 4 petang ini, manakala di Perak serta Selangor mencatatkan penurunan dan di Negeri Sembilan pulih sepenuhnya.

Di **SABAH**, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) memaklumkan 2,813 mangsa banjir daripada 752 keluarga ditempatkan di 21 PPS dan sebuah PPK berbanding 2,468 daripada 656 keluarga pagi tadi.

Kenyataan JPBN memaklumkan, keseluruhannya sebanyak 95 kampung di lima daerah terjejas dengan Membakut, Papar dan Putatan mencatatkan pertambahan mangsa manakala di Beaufort tidak berubah dan di Penampang menunjukkan trend penurunan.

"Daerah paling teruk terjejas ialah Penampang melibatkan 940 orang daripada 232 keluarga, diikuti Membakut (815 orang daripada 232 keluarga), Putatan (538 orang daripada 135 keluarga), Beaufort (273 orang daripada 83 keluarga) dan Papar (247 orang daripada 70 keluarga)," menurut kenyataan itu.

Di **PERAK**, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 49 orang daripada 12 keluarga pada petang ini berbanding 397 orang daripada 91 keluarga pagi tadi melibatkan daerah Muallim.

Sekretariat JPBN Perak dalam kenyataan memaklumkan hanya penduduk Kuala Slim yang terjejas akibat banjir masih ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Slim.

"Mangsa yang ditempatkan di empat buah PPS iaitu di Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Sekiah Batu 7, Dewan Orang Ramai Kampung Pasir, Kampung Orang Asli Sungai Lembing Behrang Stesen dan Dewan Serbaguna Kampung Pauh sebelum ini dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing setelah banjir pulih sepenuhnya," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak memaklumkan paras air Sungai Slim di Slim River berada pada paras berjaga-jaga dengan ketinggian 25.19 meter berbanding paras normal 23.5 meter.

Jabatan Meteorologi Malaysia pula memaklumkan beberapa daerah di Perak antaranya Kinta, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Batang Padang, Kampar dan Muallim dijangka mengalami ribut dan hujan pada sebelah petang dan malam.

Dalam pada itu, di **SELANGOR**, hanya 10 mangsa daripada dua keluarga masih berlindung di PPS petang ini berbanding 146 mangsa daripada 44 keluarga pagi tadi.

Menerusi portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), PPS SK Sungai Serai di Hulu Langat masih kekal beroperasi menempat kesemua mangsa itu.

Di **NEGERI SEMBILAN**, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sembilan Lt Kol (PA) Mohd Nazri Mes Kam berkata PPS SK Jimah Lama, Port Dickson ditutup 2 petang tadi dan kesemua 74 mangsa daripada 20 keluarga dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) agih 1,500 unit Kit Pengurusan Bencana



PENAMPANG: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengagihkan 1,500 unit Kit Pengurusan Bencana kepada mangsa banjir.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk James Ratib berkata, kit itu diperlukan bagi memastikan keperluan mangsa yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) terjamin.

"Pada hari ini, saya berkesempatan untuk melawat tiga PPS iaitu PPS Dewan Meruntum, Putatan dan PPS Dewan Huguan Siou Kg Tuavon bersama Yang di-Pertua Negeri, Tun Musa Aman seterusnya PPS Kompleks Sukan Penampang.

"Di sini, kita telah mengagihkan Kit Pengurusan Bencana yang mengandungi keperluan asas seperti bantal, selimut serta barangan keperluan asas lain yang diperlukan sepanjang berada di PPS.

"Setakat ini, JKJ sudah mengeluarkan 1,500 Kit Pengurusan Bencana dan diedarkan di semua kawasan - kawasan yang terlibat dengan bencana banjir.

"Agihan kit dan sumbangan berterusan membolehkan mangsa lebih bersedia ketika menghadapi bencana," ujarnya ketika ditemui media selepas lawatan ke PPS Kompleks Sukan Penampang di sini, pada Selasa.

PPS berkenaan menempatkan seramai 25 Ketua Isi Rumah dengan jumlah keseluruhan 151 mangsa.

James memaklumkan, pihaknya turut mempertimbangkan cadangan menambah tenaga kerja untuk ditempatkan di PPS.

"Kita akan ambil pegawai sukarela di setiap PPS bagi menampung kekurangan pegawai tetap di pusat pemindahan sementara ini," tambahnya.

Dalam kunjungan berkenaan, James turut mengagihkan sumbangan bakul makanan kepada mangsa yang terlibat.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jais Asri dan Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Penampang, Noemi Dyena John Tren.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CALL TO HELP PEOPLE AFFECTED BY SABAH FLOODS

HARI : RABU

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 17 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Call to help people affected by Sabah floods

KOTA KINABALU: The Yang di-Pertua Negeri of Sabah Tun Musa Aman has urged Malaysians to stand united and extend help to people affected by the recent floods and landslides that devastated parts of the state.

In his Malaysia Day message, he said solidarity is vital to ensure that recovery and rebuilding efforts could be carried out with resilience and a collective spirit.

He said the tradition of *gotong-royong* has long been a hallmark of Malaysia's diverse communities which come together in times of

hardship.

Musa and his wife, Toh Puan Faridah Tussin, also extended their condolences to families of those who lost their lives.

"The floods have not only claimed lives but also damaged homes, businesses and infrastructure."

The Sabah State Disaster Management Committee said as of 8am yesterday, a total of 2,468 people from 656 families were housed at 19 temporary relief centres and one permanent centre in Beaufort. Landslides since last Friday

have also claimed 13 lives.

Musa urged political leaders to rise above narrow interests and avoid exploiting race or religion for political gain, warning this could undermine unity.

He called on leaders to focus on constructive ideas and policies that empower the people and drive national progress.

"On Malaysia Day, let us renew our commitment to solidarity, justice and prosperity. Together, with mutual respect and shared purpose, we will continue to build a peaceful,

progressive and resilient Malaysia."

Reflecting on the nation's history, Musa said Malaysia's formation on Sept 16 1963 was anchored in unity, mutual understanding and the shared vision of a stronger, more prosperous federation.

He underscored Malaysia's diversity of ethnicities, cultures and religions as a source of strength, and highlighted Sabah and Sarawak's significant role in shaping the nation's political stability, socio-economic growth and cultural richness. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MANGSA BAH DI PPS, PPK CATAT PENINGKATAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kuala Lumpur

Jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) dan pusat pemindahan kekal (PPK) di empat negeri mencatatkan peningkatan pagi semalam.

Di SARAH, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) memaklumkan 2,468 mangsa banjir daripada 656 keluarga berada di 19 PPS dan satu PPK di Beaufort setakat 8 pagi.

Kenyataan JPBN memaklumkan tiga daripada lima daerah yang terjejas menunjukkan trend peningkatan jumlah mangsa di PPS iaitu Beaufort, Penampang dan Putatan manakala Membakut serta Papar kekal.

"Dua PPS di Penampang menempatkan mangsa banjir dan tanah runtuh iaitu Dewan Inobang dan Kampung Sarapung," menurut kenyataan itu.

Bencana tanah runtuh yang melanda Sabah sejak Jumaat lepas telah meragut 12 nyawa termasuk lima kanak-kanak setakat ini dengan 11 kematian semalam dan satu kematian pada hari pertama kejadian.

Di PERAK, jumlah mangsa meningkat kepada 397 orang daripada 91 keluarga pagi semalam berbanding 194 orang daripada 48 keluarga malam kelmarin di Daerah Muallim.

Sekretariat JPBN Perak dalam kenyataan memaklumkan semua mangsa ditempatkan di lima PPS iaitu di Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Sekiah Batu 7, Dewan Orang Ramai Kampung Pasir, Kampung Orang Asli Sungai Lembing Behrang Stesen,



PENDUDUK kampung merenduk banjir yang menenggelamkan jalan utama Hulu Langat di Kampung Sungai Serai ketika tinjauan, kelmarin.

BANJIR

Mangsa bah di PPS, PPK catat peningkatan

Dewan Serbaguna Kampung Pauh dan Sekolah Kebangsaan Kuala Slim.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Perak memaklumkan paras air Sungai Slim di Slim River kini melepasi tahap bahaya dengan ketinggian 26.02 meter berbanding paras normal iaitu 23.5 meter.

Jabatan Meteorologi Malaysia pula memaklumkan beberapa daerah di Perak

antaranya Larut, Matang dan Selama, Kinta, Hulu Perak, Kuala Kangsar serta Batang Padang dijangka mengalami ribut dan hujan pada sebelah pagi, petang hingga ke malam.

Di SELANGOR, jumlah mangsa banjir mencatatkan peningkatan kepada 146 orang daripada 44 keluarga pagi

semalam berbanding 33 mangsa malam kelmarin dengan tiga PPS dibuka.

Menerusi portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat, PPS terbabit ialah Sekolah Kebangsaan Sungai Serai di Hulu Langat manakala dua lagi di Hulu Selangor iaitu Dewan Orang Ramai Hulu Bernam

dan Dewan Serbaguna Kampung Sekolah Sungai Selisik.

Di NEGERI SEMBILAN, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Lt Kol (PA) Mohd Nazri Mes Kam berkata 74 mangsa daripada 20 keluarga ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan Jimah Lama, Port Dickson setakat pagi semalam berbanding 50 orang daripada 13 keluarga kelmarin.

"Kelmarin, mangsa ditempatkan di PPS Balai Raya Kampung Jimah Lama melebihi 50 orang, kita tukar kepada PPS yang lebih besar.

"Pertambahan mangsa adalah kerana air masih bertakung di kawasan rumah mereka yang berdekatan dengan sungai... cuaca hari ini (semalam) baik dan PPS dijangka ditutup," katanya.

APM kenal pasti 22 lokasi berisiko dilanda kepala air di Terengganu

Kuala Terengganu: Angkatan Pertahanan Awam (APM) negeri mengenal pasti 22 lokasi perkeralahan dan rekreasi di lima daerah di negeri ini berisiko dilanda kepala air.

Pengarah APM negeri Letenan Kolonel (PA) Mohd Zul Khairi Shamsuddin berkata, kawasan terbabit adalah Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut.

Katanya, Dungun, Setiu dan Kemaman dikenal pasti paling kerap berlaku kepala air sehingga menyebabkan kematian.

"Walaupun APMM tidak menempatkan pegawai dan anggota bertugas di kawasan berisiko kepala

air, kekerapan rondaan akan dilakukan terutama ketika musim cuti umum dan cuti sekolah.

"Pegawai dan anggota APM di seluruh negeri sudah diminta bersiap siaga dan segera ke lokasi bagi kerja menyelamat jika berlaku fenomena kepala air," katanya.

Difahamkan, hanya satu kes kematian dilaporkan berlaku disebabkan fenomena kepala air iaitu membabitkan seorang lelaki berusia 22 tahun pada 16 Mei lalu.

Lelaki berasal daripada Pasir Gudang, Johor itu meninggal dunia dilokasi kejadian selepas lemas di hanyutkan kepala air ke-

tika berkelah di Lata Payung, Sungai Tong, Setiu.

Pada tahun lalu, jumlah kematian disebabkan insiden kepala air dan lemas di seluruh negeri adalah sebanyak 25 kes.

Difahamkan, semua mangsa lemas membabitkan lokasi di sungai, pantai dan kawasan perkeralahan serta rekreasi air terjun.

Mohd Zul Khairi turut mengingatkan empat tempat awal fenomena kepala air yang boleh diberikan perhatian seperti deruan air kuat, perubahan air daripada jernih kepada keruh, air menjadi berbuih serta membawa sampah serta peningkatan paras air secara mendadak.

Paras air Sungai Slim di Slim River melepasi tahap bahaya

Kuala Lumpur: Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati ketika berkunjung ke tempat berisiko seperti kawasan sungai dan berbukit berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

Penasihat Persatuan Pembangunan Eko Pelancongan Perak Siti Norlizawati Narawi berkata, sungai kecil yang terletak berhampiran bukit berisiko tinggi dilanda kepala air secara tiba-tiba dan tanah runtuh.

"Seperti kes kepala air di Tanjung Malim dan Kuala Kubu Bharu dan tanah runtuh di Sabah baru-baru ini, jelas menunjukkan cuaca tidak boleh dijangka.

"Jadi, sebaiknya, jangan berkhemah di tepi sungai terutama sungai kecil, tepi bukit bukau yang berisiko

Cuaca tak menentu, elak berkhemah di bahagian tepi sungai

dilanda kepala air.

"Parkir kenderaan jauh dari sungai dan jangan pasang khemah di kawasan berdekatan gigi air sungai dan pokok yang dilihat mudah tumbang," katanya kepada Harian Metro.

Siti Norlizawati berkongsi nasihat dan langkah keselamatan perlu di amalkan orang ramai semasa berkunjung ke kawasan berisiko dalam keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Mengulas lanjut, penguasa Pusat Rekreasi dan Latihan Lang Buana itu turut menekankan kepentingan membawa peralatan

kecemasan lengkap setiap kali keluar bercuti, khususnya untuk aktiviti berkhemah.

"Siapkan peralatan dalam beg kecemasan kalis air seperti tali, kain batik, makanan tin mencukupi, lampu suluh, ubatan dan lain-lain yang perlu.

"Pastikan ia tersedia di dalam kereta, terutama bagi perjalanan jauh dan tujuan berkhemah," katanya.

Menurut Siti Norlizawati, orang ramai juga perlu sentiasa mengikut makluman rasmi perkembangan cuaca terkini dikehendaki Jabatan Meteorologi (MetMalaysia).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 22 LOKASI DI TERENGGANU BERISIKO DILANDA KEPALA AIR

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 17 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Empat petanda awal fenomena kepala air yang boleh diberi perhatian seperti deruan air kuat, perubahan air daripada jernih kepada keruh, air menjadi berbuih serta membawa sampah serta peningkatan paras air secara mendadak

22 lokasi di Terengganu berisiko dilanda kepala air

APM negeri bersiap siaga, tingkat rondaan di kawasan perkelahan

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Angkatan Pertahanan Awam (APM) negeri mengenal pasti 22 lokasi perkelahan dan rekreasi di lima daerah di negeri ini berisiko dilanda kepala air.

Pengarah APM negeri, Letenan Kolonel (PA) Mohd Zul Khairi Shamsuddin, berkata kawasan berisiko berlaku kepala air adalah di daerah Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut.

Katanya, tiga daripada lima daerah dikenal pasti berlaku kekerapan kepala air sehingga menyebabkan kematian adalah di daerah Dungun, Setiu dan Kemaman.

"Walaupun kita tidak menamatkan pegawai dan anggota untuk bertugas di kawasan berisiko kepala air, rondaan akan ditingkatkan, terutama ketika musim cuti am dan persekolahan.

"Pegawai dan anggota APM di seluruh negeri sudah diminta un-

tuk bersiap siaga dan segera ke lokasi bagi melakukan kerja penyelamatan mangsa yang terperangkap jika berlaku fenomena kepala air," katanya.

25 kes kematian tahun lalu

Difahamkan, hanya satu kes kematian dilaporkan berlaku disebabkan fenomena kepala air iaitu membabitkan seorang lelaki berusia 22 tahun, pada 16 Mei lalu.

Lelaki berasal dari Pasir Gudang, Johor itu meninggal dunia di lokasi kejadian selepas lemas berkelelah di Lata Payung, Sungai Tong, Setiu.

Tahun lalu, jumlah kematian disebabkan insiden kepala air dan lemas di seluruh negeri ada-

lah 25 kes.

Difahamkan, semua mangsa lemas membabitkan lokasi di sungai, pantai dan kawasan perkelahan serta rekreasi air terjun.

Mohd Zul Khairi turut mengingatkan empat petanda awal fenomena kepala air yang boleh diberikan perhatian seperti deruan air kuat, perubahan air daripada jernih kepada keruh, air menjadi berbuih serta membawa sampah serta peningkatan paras air secara mendadak.

"Jika pengunjung dapat mengenal pasti satu daripada petanda awal itu, mereka akan sempat menyelamatkan diri sekiranya fenomena kepala air berlaku," katanya.



Mohd Zul Khairi Shamsuddin, Pengarah APM Terengganu

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir Muallim semakin surut, hanya satu PPS dibuka

Nasional - Dicipta: 16 September 2025 03:57 PM



FOTO APM MUALLIM

TANJUNG MALIM, 16 September- Beberapa kawasan di daerah Muallim yang terjejas banjir dilapor semakin pulih tengah hari ini apabila hanya 33 penduduk daripada sembilan keluarga masih ditempatkan di satu pusat pemindahan sementara (PPS) berbanding 397 penduduk daripada 91 keluarga pagi tadi.

Tinjauan RTM mendapati PPS yang masih beroperasi ialah di Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Slim, manakala tiga PPS lain iaitu Dewan Orang Ramai Kampung Pasir, Kampung Orang Asli Sungai Lembing Behrang Stesen dan Dewan Serbaguna Kampung Pauh telah ditutup sepenuhnya.

Pegawai Daerah Muallim, Mohd Sabli Bakri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah memaklumkan keadaan banjir semakin terkawal dan air mulai surut.

"Alhamdulillah, air semakin surut. Namun, masih banyak rumah yang digelangi air, jadi kita jangka PPS masih dibuka untuk penduduk berlindung. Jika cuaca terus panas, kita boleh jangka menutup semua PPS pada hari ini," katanya,

Bagaimanapun, Mohd Sabli menasihatkan penduduk terutamanya di kawasan rendah supaya terus berwaspada berikutan cuaca tidak menentu kebelakangan ini.

Banjir yang melanda daerah itu berpunca daripada hujan lebat berterusan lebih dua jam sehingga menyebabkan air Sungai Bernam melimpah ke kawasan rumah dan kawasan perkelahan berhampiran.

Lebih 20 petugas daripada Angkatan Pertahanan Awam, (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak bertugas 24 jam secara bergilir di lima PPS sebelum ini bagi menjaga kebajikan penduduk terjejas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



49 penduduk terjejas banjir masih berlindung di PPS SJKC Kee Tee

Nasional - Dicipta: 16 September 2025 08:32 PM



Ahli Parlimen Baram Datuk Anyi Ngau menyempurnakan penyerahan kit makanan kepada penduduk yang masih berlindung di PPS SJKC Kee Tee, Long Lama

LONG LAMA, 16 September - Seramai 49 penduduk terjejas banjir daripada 20 keluarga masih berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kee Tee, di sini setakat pukul 7.00 malam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Telang Usan Pegawai Pertahanan Awam Daerah Marudi Lt. (PA) Mirwan Shah Masri dalam satu kenyataan memaklumkan, dua keluarga melibatkan 10 individu telah keluar dari PPS pada pukul 5.40 petang tadi.

Pecahan penduduk yang masih berada di PPS ialah 12 orang dari Pekan Long Lama, 30 dari Kampung Kayan Long Lama, dan tujuh dari Kampung Cina Long Lama.

Sementara itu, seramai 36 petugas terdiri daripada Pejabat Daerah, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Kementerian Kesihatan (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit Kawalan Pembangunan Sosial (UKPS) terus membantu menguruskan operasi pemindahan.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Baram Datuk Anyi Ngau, turut mengadakan lawatan ke PPS berkenaan petang tadi untuk meninjau keadaan penduduk terjejas. selain menyempurnakan penyerahan kit makanan.

Beliau yang diiringi Pegawai Daerah Telang Usan, Ezra Uda turut menyempurnakan penyerahan kit makanan kepada penduduk yang masih berlindung di PPS itu.

JPBD Telang Usan memaklumkan keadaan di PPS kekal terkawal dan selamat, manakala sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : **LANDSLIDES CLAIM 13 LIVES IN SABAH**

HARI : **RABU**

TARIKH : **17 SEPTEMBER 2025**

TONE : **NEGATIF**

AKHBAR : **THE SUN**

M/SURAT : **01&05**

SEKTOR : **KPWKM**

Landslides claim 13 lives in Sabah

Survivors recount harrowing moments when ground shook, houses collapsed under sliding earth and they were forced to watch helplessly as loved ones were buried alive.



Rescue workers dig through the rubble and debris for more than 10 hours to bring the body of a man who was buried alive on Monday night. — PIC COURTESY OF SABAH FIRE AND RESCUE DEPT

Sabah death toll climbs to 13

► Casualties from landslides, floods reported across multiple towns

BY THE SUN TEAM newsdesk@thesundaily.com

PELALING JAYA: The body of a 10-year-old girl recovered on Monday night pushed the death toll in Sabah to 13 in a series of landslides and floods that has torn families apart.

Her remains were found at 8.45pm in Kampung Marabang Tumul, Papar, after more than 10 hours of digging through mud and timber. Sabah Fire and Rescue Department director Mohd Puan Aziz said the operation ended at 2.5am Tuesday.

Hours earlier, rescuers unearthed the girl's 31-year-old mother, buried in the soil, still clutching her six-year-old son in her arms. Both were confirmed dead minutes apart,

after their home collapsed under the weight of the sliding earth at 10.20am on Monday.

"All victims were evacuated by the fire and rescue team with assistance from other units. Their bodies were handed to the police for further action," Mohd Puan said.

The Papar tragedy is among the worst, but far from the only one.

In Kampung Mook, Kinross, 36-year-old Edna Johany is living with survivor's guilt. Her 36-year and 11-year-old nephews died when their wooden home was swallowed by a landslide.

"My sister's house was the worst hit. I thought I heard her voice calling, but by the time we got outside, there was nothing we could do," Edna said. Her husband jumped out of a window with their two young children when a devastating crash "like a giant tree smashing a tiny nest" shook the ground.

Her brother-in-law's wife has help caught on video as he tried to dig through the mud with an excavator. It has been widely circulated online, providing a glimpse into the agony faced by

survivors forced to watch as loved ones were buried alive. Both victims were eventually pulled out but could not be saved.

Kampung Cenderakasih in Kota Kinabalu was hit even harder. Eleven people were trapped when a house collapsed at 11.5am. Seven did not make it out, including four children aged two to nine.

"I thought I heard my aunt calling my name, but I could not be sure. The rain was pouring hard and the voice was muffled," said Mahamad Azri Miki, 25, as he recalled the harrowing moment.

Elsewhere in Karaman, Mulu Amanah, 42, described how she and her 14-year-old daughter survived by clinging to each other as their home gave way.

"In that moment of chaos, I could only think of death. I told my daughter, 'Let us die together, holding each other,'" she said. Both were injured but miraculously escaped.

The Sabah Disaster Management Committee announced RM10,000 in aid for the next of kin of each victim, while evacuees would receive RM41,000 per household.

The crisis has stretched beyond the state. Floodwaters have forced hundreds into shelters in Perak, Selangor and Negeri Sembilan.

In Muar, Perak, 267 victims from 91 families are in five centres as the water level in Sungai Slim exceeded the danger mark.

In Selangor, 146 people from 14 families are in shelters in Hulu Langat and Hulu Selangor, while in Port Dickson, Negeri Sembilan, 74 evacuees from 29 families are housed at Sekolah Kebangsaan Imoh Larua.

The Meteorological Department has warned of more storms and heavy rain in several Perak districts, including Larut, Matang and Selama, Kim, Hulu Perak, Kuala Kangsar and Kangar Padang, raising fears that the death toll could continue to climb.

Prime Minister Anwar Ibrahim has approved an immediate RM10 million allocation through the National Disaster Management Agency for relief and recovery. Sabah has also cancelled its Malaysia Day celebrations, saying funds must remain on saving lives and supporting those left behind.



Rescue personnel searching for individuals trapped beneath the rubble of a collapsed house in Kampung Cenderakasih in Kota Kinabalu. — PIC COURTESY OF SABAH FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	BAHAN GEOLOGI LEMAH, CERUN CURAM PUNCA TANAH RUNTUH		
HARI :	RABU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	17 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	14
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



Mangsa diberi penempatan sementara

Papar: Kerajaan menyediakan penempatan sementara kepada keluarga mangsa tragedi tanah runtuh di Kampung Mook dan Kampung Marahang Tuntul di sini.

Ahli Parlimen Papar, Datuk Arminizam Mohd Ali, berkata perbincangan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbahau, Datuk Juji Nuatim, dilakukan bagi menyelaraskan bantuan kepada keluarga terabit.

Katanya, selain Bantuan Wang Ihsan (Kematiian) sebanyak RM10,000 yang ditumukkan Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor semalam, penempatan sementara akan turut disediakan kepada keluarga yang terkesan.

"Buat sementara ini, kita tempatkan kedua-dua keluarga di balai raya Kampung Mook dan Kampung Marahang Tuntul yang dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS)," katanya.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup berkata, perbincangan juga akan diadakan dengan keluarga mereka secara sementara sama ada di rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah sewa, sementara penilaian risiko dijalankan di kawasan kediaman asal yang terletak berhampiran cerun bukit.

"Langkah ini diambil bagi memastikan keselamatan mereka sementara menunggu pembaikan rumah selesai. Kita akan bantu meringankan beban yang ditanggung oleh mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di PPS Dewan Lok Kawi Height, di sini, semalam.

Turut hadir Juji dan ADUN Kawang Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar.

Arminizam berkata, penilaian risiko di tempat kejadian juga akan dijalankan segera bagi menentukan tahap keselamatan kawasan terabit.

Lima maut dalam dua kejadian tanah runtuh berasingan dengan dua mangsa di Kampung Mook dan tiga lagi di Kampung Marahang Tuntul, Papar, kelmarin.

Bahan geologi lemah, cerun curam punca tanah runtuh

Tragedi turut dipengaruhi pembangunan tidak terkawal di kawasan risiko tinggi

Oleh Nuratikah Athilya Hassan
nuratikah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Struktur tanah yang lemah dan cerun curam ialah faktor utama kejadian tanah runtuh di Sabah yang meragut 12 nyawa, termasuk lima kanak-kanak.

Pensyarah Kanan Geobencana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Goh Thian Lai, berkata kawasan berkenaan mempunyai cerun curam dan terdiri daripada bahan geologi yang tidak stabil seperti aluvium sungai dan pantai yang masih muda mengikut usia geologi.

"Bahan geologi di kawasan itu bersifat lemah dan kurang kukuh, sekali gus menjadikannya mudah mengalami kegagalan cerun.

"Kejadian tanah runtuh ini bukan saja dipengaruhi oleh faktor semula jadi, tetapi juga didorong oleh campur tangan manusia, khususnya pembangunan tidak terkawal di kawasan cerun.

"Pembinaan bangunan di atas dan bawah cerun meningkatkan pendedahan terhadap risiko tanah runtuh, terutamanya apabila membabitkan kawasan yang sudah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi," katanya kepada BH semalam.

Dalam kejadian itu, Thian Lai berkata, hujan lebat dikenali sebagai pencetus utama.

Katanya, hujan lebat bukan sahaja mencetuskan kegagalan cerun, malah mempercepat proses

kegagalan pada cerun yang sudah lemah daripada segi struktur geologi.

"Bagi mengurangkan risiko kejadian sama berlaku lagi pada masa akan datang, terdapat beberapa langkah pencegahan segera dan jangka panjang yang perlu diambil oleh pihak berkuasa serta orang awam.

"Antara langkah segera, termasuk mengenal pasti kawasan cerun kritikal dan memaklumkan kepada penduduk berdekatan agar mereka lebih peka dan bersedia untuk berpindah, sekiranya terdapat tanda awal pergerakan tanah.

"Kemudian, hantar beberapa pasukan pakar untuk menjalan-

kan pemeriksaan cerun dan mengeluarkan amaran kepada penduduk yang terkesan," katanya.

Tindakan jangka panjang
Beliau berkata, tindakan jangka panjang pula boleh dilakukan dengan meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya tanah runtuh dan memperkonal pendidikan berkaitan tanda awal kejadian.

Selain itu katanya, agensi kerajaan perlu memasang peralatan pemantauan cerun menggunakan teknologi internet kebandwidth (IoT) yang membolehkan pemantauan secara masa nyata oleh pihak berkuasa.

"Kita perlu sentiasa berjaga-jaga kerana kemungkinan peningkatan kejadian tanah runtuh pada masa depan boleh berlaku, berikutan impak perubahan iklim.

"Perubahan iklim yang menyebabkan hujan lebat berpanjangan dijangka akan meningkatkan lagi kejadian tanah runtuh, terutamanya di kawasan cerun curam dan bahan geologi lemah.

"Selain itu, peningkatan kekerapan gempa bumi di Sabah juga berpotensi melemahkan struktur tanah dan mencetuskan lebih banyak kejadian tanah runtuh," katanya.

Pembinaan bangunan di atas dan bawah cerun meningkatkan pendedahan terhadap risiko tanah runtuh, terutamanya apabila membabitkan kawasan yang sudah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi

Goh Thian Lai,
Pensyarah Kanan Geobencana UKM



Mayat terakhir dikeluarkan pagi semalam

Papar: Selepas 11 jam operasi mencari dan menyelamat (SAR) dilakukan, mangsa ketiga tragedi tanah runtuh di kediamannya di Kampung Marahang Tuntul, Gana, di sini, kelmarin akhirnya ditemui.

Kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun itu, Kemiey Aspherynda Benny dijumpai pada jam 8.45 malam kelmarin, sebelum dikeluarkan jam 1.48 pagi semalam.

Dia disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan Kementerian Kesihatan (KKM).

Terdahulu, ibunya Wong Moi Ling, 34, dan adiknya, Christen Kell Benny, 6, yang turut tertimbus ditemui lebih awal iaitu masing-masing pada jam 4.20 petang dan jam 4.25 petang.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Mohd Pizar Aziz berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 9.20 pagi sebelum sepasukan anggota bergegas ke lokasi.

"Sebaik tiba, didapati tanah runtuh menghempas sebuah rumah dengan tiga mangsa dilaporkan tertimbus. Mangsa



Mayat Kemiey Aspherynda ditemui pada jam 8.45 malam kelmarin, sebelum dikeluarkan jam 1.48 pagi semalam.

pertama ditemui jam 4.20 petang.

"Seterusnya mangsa kedua lima minit kemudian, manakala mangsa ketiga ditemui pada jam 8.45 malam sebelum berjaya dikeluarkan jam 1.48 pagi," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mohd Pizar berkata, operasi

menyelamat mangsa dijalankan oleh pasukan bomba dengan bantuan agensi penyelamat lain, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Rela.

"Semua mangsa disahkan meninggal dunia oleh pihak KKM

dan seterusnya diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut. Operasi tamat sepenuhnya pada jam 2.05 pagi," katanya.

Dalam kejadian pada jam 9.20 pagi kelmarin, rumah keluarga berkenaan ranap ditimpa tanah runtuh menyebabkan tiga orang itu tertimbus di bawah runtuhan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	'TOLONG KELUARKAN ISTERI DAN ANAK SAYA'		
HARI :	RABU	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	17 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



PASUKAN mencari dan menyelamatkan mengangkut mayat yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Cenderakasih untuk dibawa ke Hospital Queen Elizabeth.

Papar

TANAH RUNTUH DI PAPAR

"Semasa kejadian tanah runtuh, saya dengar jeritan minta tolong tetapi tidak pasti itu suara kakak atau bukan."
Demikian menurut Edna Johnny, 36, seorang daripada mangsa yang terselemat dalam kejadian tanah runtuh di Kampung Mook, Kinarut di sini kelmarin, yang mengorbankan kakaknya berusia 38 tahun dan anak saudaranya berusia 11 tahun.
Edna berkata, rumahnya bersebelahan dengan rumah kakak serta rumah bunya, tetapi rumah kakak yang paling teruk terjejas kerana berada di bawah cerun bukit.

'Tolong keluarkan isteri dan anak saya'

Ibu kepada dua anak itu berkata, semasa kejadian dia sedang berehat di dalam bilik sebelum dikejutkan dengan bunyi hentakan yang kuat seperti pokok menghempap zink rumah.
"Selepas dengar bunyi itu, saya dan suami terus melompat keluar dari tingkap rumah bersama dua anak kami.
"Saya hanya fikir untuk

menyelamatkan diri dan anak-anak langsung tidak sedar kaki terpijak serpihan kaca tingkap yang pecah ketika melompat keluar.
"Semasa itu, kaki tidak rasa sakit pun sekarang baru rasa sakit sebab banyak serpihan kaca pada tapak kaki saya", katanya.
Edna berkata, mereka hanya menyedari kakak dan anak saudaranya ter-

timbus selepas berada di luar rumah dan tiada apa yang boleh mereka lakukan ketika itu.
Dia hanya melihat mayat kakak dan anak saudaranya dibawa keluar dari lokasi kejadian dalam plastik putih yang bertutup.
Berkongsi lanjut, Edna berkata, semalam kakaknya ada menyatakan hasrat ingin membantu membuat pelamin untuk adik

mereka yang bakal berkahwin pada November ini namun hasrat itu tidak kesampaian.
Terdahulu rakaman video abang iparnya tular dalam laman sosial yang merayu agar invidu yang mempunyai jenggot membantu mengeluarkan isteri dan anaknya yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh itu.
"Tolong dulu saya, si-

apa-siapa ada cav (jengkaut), hitachikah tolong hantar sama saya tolonglah saya, anak sama bini di dalam," menurut rakaman video tersebut.
Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah Mohd Pizar Aziz memaklumkan pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian tanah runtuh di Kampung Mook, Kinarut pada 10.02 pagi.
"Kedua-dua mangsa dijumpai serta berjaya dikeluarkan pasukan penyelamat selepas hampir empat jam operasi mencari dan menyelamatkan. Mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perabatan di lokasi," katanya.

Ahli keluarga dengar suara seperti orang meminta tolong

Inanam: Seorang ahli keluarga daripada tujuh mangsa yang maut tertimbus dalam kejadian di Kampung Cenderakasih, di sini menguak mendengar suara seperti meminta tolong namun hujan lebat yang berterusan menyukarkannya untuk mendengar dengan jelas jeritan itu.
Muhammad Azri Mikri, 25, yang tinggal berdekatan dengan sebuah rumah yang tertimbus berkata suara itu tidak jelas, sebelum dia melihat rumah ibu saudaranya runtuh dibawa aliran tanah yang runtuh.
"Kejadian sangat pantas, saya macam ada terdengar suara macam memanggil nama saya, tetapi tidak jelas sebab hujan lebat," ka-

Kejadian sangat pantas, saya macam ada terdengar suara makcik memanggil nama saya, tetapi tidak jelas sebab hujan lebat"

Muhammad Azri

tanya, kelmarin.
Muhammad Azri berkata, rumah dua tingkat diperibaya daripada kayu itu runtuh bersama sebuah madrasah dan mereka cuba untuk mengeluarkan mangsa namun gagal kerana ditimuni oleh kayu dan tanah.

Kota Kinabalu: Penemuan seorang kanak-kanak perempuan semalam menjadikan angka korban tanah runtuh yang melanda Sabah sejak Jumaat lalu meningkat kepada 13 orang.
Dalam kejadian di Kampung Marahang Tuntul, Gana, Papar, mayat Kenley Asphereynda Benny, 10, ditemukan pasukan mencari dan menyelamatkan (SAR) selepas hampir 18 jam operasi dijalankan.
Kanak-kanak malang itu ditemui pada jam 8.45 malam kelmarin sebelum berjaya dikeluarkan sepenuhnya kira-kira jam 1.48 pagi semalam.
Bagaimanapun, mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi oleh pasukan perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
Dua lagi ahli keluarga, iaitu ibu mangsa, Wong Moi Ling, 34, dan adiknya, Christen Kell Benny, 6, terlebih dahulu ditemui tidak beryana masing-masing

Angka korban kini meningkat kepada 13 orang

pada jam 4.20 petang dan 4.25 petang kelmarin.
Lebih memulikan, kedua-dua beranak itu ditemui dalam keadaan berpelukan seolah-olah cuba melindungi satu sama lain ketika runtutan berlaku.
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah Mohd Pizar Aziz berkata, operasi mengeluarkan mangsa dilakukan dengan penuh berhati-hati berikutan keadaan tanah yang masih tidak stabil.
Menurutnya, usaha operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) turut disertai Polis Diraja

Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).
"Semua mangsa disahkan meninggal dunia dan diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut. Operasi tamat sepenuhnya jam 2.05 pagi (semalam)," katanya.
Sementara itu, tragedi lebih teruk dilaporkan di kawasan setingan dekat Kampung Cenderakasih, Kolombong, apabila tujuh ahli keluarga maut selepas rumah dirombak mereka ranap di-

hempap tanah runtuh kelmarin.
Kejadian itu meragut pasangan suami isteri Husaina Sarabani, 50-an, dan Abdul Halid Darak, 50-an serta anaknya Maslina Abdul Halid, 29.
Turut terkorban empat cucunya iaitu Mohd Noriman Abdullah, 9; Mohd Ibrahim Abdullah, 7; Siti Khadijah Abdullah, Abdullah dan Mohd Izzan Gandi, 7.
Difahamkan, empat mangsa berkenaan ditemui dalam keadaan bertindih antara satu sama lain akibat tertimbus serentak ketika rumah mereka ranap.
Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu Asisten Komisyoner Kasim Muda berkata, semua mayat sudah dihantar ke Hospital Queen Elizabeth 1 (HQE1) untuk proses bedah siasat.
Katanya, siasatan awal mendapati tanah runtuh berlaku akibat hujan lebat berterusan sejak awal pagi sebelum kejadian.

Operasi dilakukan berhati-hati berikutan keadaan tanah masih tidak stabil

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	DEATH TOLL FROM SABAH LANDSLIDES CLIMBS TO 13	
HARI :	RABU	AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	17 SEPTEMBER 2025	M/SURAT : 05
TONE :	NEGATIF	SEKTOR : KPWK

OVER 2,500 IN SHELTERS

DEATH TOLL FROM SABAH LANDSLIDES CLIMBS TO 13

Disasters declared in 6 districts as state also grapples with floods, fires

RAFIQAH DAHALI AND FUAD NIZAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

FLOODS, fires and landslides ravaged Sabah, with the death toll from landslides rising to 13 yesterday. Six districts have been declared disaster areas as heavy rain continued to lash the state.

The National Disaster Management Agency (Nadma) recorded 2,533 people sheltering at 20 relief centres.

Nadma director-general Datuk Abdul Halim Hamzah said Penampang housed the most number of flood victims at 910, followed by Membakut (611) and Putatan (456).

Large-scale fires in Tawau left 59 people seeking shelter in relief centres, while in Papar, 21 people from five families were left homeless after a landslide destroyed their homes.

The six districts that have been declared as disaster areas are

Beaufort, Membakut and Putatan (floods), as well as Penampang, Papar (floods, landslides), and Tawau (fire).

Halim said 13 fatalities had been recorded due to landslides so far.

"Seven deaths occurred in Kota Kinabalu and five in Papar on Sept 15, while one was reported in Penampang on Sept 12," he said.

The latest landslide victim was a 10-year-old girl in Kampung Marahang Tuntul, Papar, who was found dead early yesterday.

The landslide at 9.20am on Monday also buried her mother, 34, and her 6-year-old brother. The woman was found at 4.20pm and the boy was located five minutes later.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is Nadma chairman, directed the construction of an emergency structure after a bridge over Sungai Kaiduan, Papar, collapsed due to floods, cutting off access to the area.

"I have instructed that the installation of a modular bridge be carried out immediately to avoid disruption to connectivity," he said in a statement on social media.

He said three modular steel Bailey bridges were supplied to the Sabah government last year



A villager at his flooded home in Kampung Pimping, Membakut, yesterday. NSTP PIC BY IRWAN MAJID

to boost disaster preparedness.

He said the Public Works Department and the concession company were also repairing the Penampang-Tambunan road after landslides affected the main route.

Papar member of Parliament Datuk Armizan Mohd Ali said temporary housing assistance would also be provided to families affected by the landslide that struck Kampung Mook and Kampung Marahang Tuntul in Papar.

He said the assistance was in addition to the RM10,000 death benefit announced yesterday by the chief minister.

"For now, we will provide temporary housing for the families affected by the landslide.

"We will also discuss with the families to temporarily move them either to a People's Housing Project unit or a rented house, while the hill slopes near their homes are assessed.

"This will also cover the period



Papar member of parliament Datuk Armizan Mohd Ali meeting flood victims taking shelter at the Lok Kawi Height Hall in Kinarut yesterday. BERNAMA PIC

while their houses are repaired.

"We will help ease the burden faced by the two families involved," he said at the flood relief centre set up in the Lok Kawi Height Hall yesterday.

Armizan, who is domestic trade and cost of living minister, added that risk assessments would be carried out at the landslide sites. **Additional reporting by Mohamad Al As**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sabah landslide disaster claims 12 lives amid severe flooding

theSun Local

2025-09-16 10:32 AM



ACP Kasim Muda, Bernamapix

KOTA KINABALU: The landslide disaster that struck Sabah has claimed twelve lives so far, including five children, with eleven deaths reported today and one on the first day of the incident.

Kota Kinabalu district police chief ACP Kasim Muda confirmed that seven victims, including four children, were found dead after being buried in a landslide in Kampung Cenderakasih, Kolombong in Inanam, at approximately 9.15 am.

He said the child victims consisted of three boys and one girl aged between two and nine years old, while the other three victims were two women and one man aged 25 to 50.

In Papar, Sabah Fire and Rescue Department director Mohd Pizar Aziz said that two victims, a 38-year-old woman and an 11-year-old boy, were found dead after a landslide hit their house in Kampung Mook this morning.

Mohd Pizar said in another incident, two people were found dead after being buried in a landslide in Kampung Marahang Tuntul.

He said search and rescue operations are still underway to find another victim buried in the incident.

Last Friday, a 97-year-old man was reported to have been buried in a landslide incident in Kampung Sarapung, Penampang.

Meanwhile, the Sabah State Disaster Management Committee announced that the number of flood victims has increased to 1,648 from 417 families as of 8 pm today, compared to 863 people from 220 families this afternoon.

All the victims are residents from 46 villages in five affected districts, with seven temporary evacuation centres opened in Penampang, three in Membakut, and two each in Papar and Putatan.

The permanent evacuation centre in Selagon, Beaufort, is also open to accommodate those displaced by the disaster.

The Sabah JPN also announced that RM1,000 compassionate cash aid is being provided to each head of household who has been evacuated to evacuation centres.

The next of kin of victims who died due to the disaster will also receive RM10,000 death compassionate cash aid.

This aid is given to Malaysian citizens registered with the Public Welfare Services Department, with the government also distributing food baskets to all affected residents.

Meanwhile, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim today approved an immediate allocation of RM10 million through the National Disaster Management Agency to assist flood-affected victims in the state.

According to the Prime Minister, this amount is in addition to the RM11 million that had already been channelled through the state government for immediate repairs to basic facilities in the affected areas.

He expressed being deeply moved by the impact of the flood disaster currently affecting the state of Sabah and has directed the entire MADANI Government machinery to be mobilised immediately to assist the affected people.

Our priority is to ensure the safety, well-being, and survival of flood victims are well taken care of with immediate focus.

The Sabah government announced the cancellation of the state-level Malaysia Day celebration scheduled to take place at Padang Merdeka tomorrow night due to the ongoing disaster.

Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor emphasised that the disaster was caused by continuous rain, and the state government's immediate priority is to manage the crisis, coordinate recovery efforts, and ensure rescue operations are carried out quickly for affected communities.

He has informed the Governor of Sabah Tun Musa Aman about the matter, stating that in these difficult times, the well-being, welfare, and safety of the people are paramount.

Hajiji, who went on the ground to visit flood victims housed at evacuation centres in Putatan and Penampang, also distributed aid to those affected.

The state government, through the JPN, is always prepared to provide immediate assistance to people facing disasters, especially during the continuous rainy season, and will not compromise on the welfare of the people. – Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantuan bulanan RM600 bukan untuk semua warga emas, jelas PMO

YESTERDAY
K. Parkaran

Pejabat Perdana Menteri sangkal mesej WhatsApp tular dakwa semua rakyat berusia 60 tahun ke atas layak terima bantuan.



Warga emas dengan pendapatan lebih had kemiskinan tegar boleh buat rayuan untuk dipertimbangkan dapat bantuan, tertakluk kepada keadaan mereka. (Gambar fail)

PETALING JAYA: Pejabat Perdana Menteri menyangkal mesej tular di WhatsApp yang mendakwa semua warga emas layak menerima bantuan bulanan RM600, menyifatkannya sebagai 'mengelirukan'.

Seorang pembantu perdana menteri menjelaskan, bantuan itu hanya disasarkan bagi warga emas dengan pendapatan isi rumah di bawah garis kemiskinan RM1,198 sebulan.

"Bantuan ini khusus untuk kumpulan warga emas yang layak, bukan untuk semua orang. Kategori lain ialah warga emas yang tinggal bersendirian tanpa sokongan kewangan," katanya kepada FMT.

Terdahulu, beberapa warganet di media sosial mempersoalkan kesahihan mesej tular yang mendakwa semua warga emas akan menerima RM600 setiap bulan daripada kerajaan.

Mesej itu didapati tidak jelas kerana gagal menyatakan syarat had pendapatan isi rumah penerima.

Mengikut takrifan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kategori 'miskin tegar' ialah isi rumah berpendapatan kurang RM1,198 sebulan.

Hanya warga emas daripada isi rumah dengan jumlah pendapatan kurang daripada paras itu layak menerima bantuan. Warga emas tanpa anak, sama ada tinggal bersendirian atau bersama saudara-mara atau penjaga, juga layak.

Bagaimanapun, warga emas dengan pendapatan melebihi had kemiskinan tegar boleh membuat rayuan bagi pertimbangan khas, tertakluk kepada keadaan mereka.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DUGAAN BESAR DUA BERADIK

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 SEPTEMBER 2025

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

Kulai

“Saya mengalami strok sebelah kanan, manakala suami pula sebelah kiri, namun kami bersyukur walaupun anak masih kecil, tapi memahami keadaan dan membantu sedaya upaya.”

Begitu kata Siti Noorhaisha Othman, 36, apabila diserang strok dua tahun lalu, sementara suaminya, Mohd Hasry Omar, 40, menerima nasib sama pada awal November tahun lalu.

Siti Noorhaisha dari Felda Bukit Batu berkata, keluarganya menerima ujian bertimpa mengakibatkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan anak dalam aspek pengurusan diri.

“Ketika saya sakit, suami yang sebelum ini bekerja sebagai pemandu lori biasanya akan menguruskan saya sebelum keluar bekerja mahupun selepas pulang bekerja. Namun, selepas dia turut mengalami komplikasi kesihatan, kami terpaksa bergantung kepada anak. Saya sedar begitu berat bagi mereka yang masih kecil apabila terpaksa memikul tanggungjawab menjaga kami, namun Allah memberikan mereka kekuatan,” katanya.

Siti Noorhaisha berkata, anak sulungnya, Muhammad Dasuki Zakhwan, 10,

IBU STROK DI BAHAGIAN KANAN, BAPA PULA DI KIRI

Dugaan besar dua beradik



MOHD Jafni (kanan) menyampaikan sumbangan kerusi roda elektrik kepada Mohd Hasry dan Siti Noorhaisha sambil dipertihatkan Muhammad Dasuki Zakhwan serta Siti Darina Zaqiyah di Felda Bukit Batu, Kulai.

dan adiknya, Siti Darina Zaqiyah, 9, tidak pernah mengeluh ketika memberi jagaan kepadanya mahupun suami.

Menurutnya, sebelum ini anaknya juga terpaksa ponteng sekolah bagi mengu-

rus dia dan suami secara bergilir.

“Mereka memandikan, membersihkan kami, menukarkan lampin pakai buang, memberi ubat mahupun menyuap makanan selain membersihkan ru-

mah, mencuci pakaian serta menguruskan persekolahan mereka.

“Memang mereka tiada masa untuk bermain seperti kanak-kanak lain, sebaliknya hanya menemani kami ketika berada di ru-

mah serta cuba menghiburkan kami.

“Alhamdulillah daripada keadaan saya mahupun suami yang pernah terlanjar akibat strok, kini kami mampu bergerak perlahan. Suami bergerak mengu-

nakan tongkat, manakala saya bergerak dengan kerusi roda,” katanya.

Siti Noorhaisha berkata, dia yakin mereka mampu menguruskan dia dan suami hasil pengalaman melihat dirinya mengurus ibunya yang sakit sebelum ini selain ketika suaminya menguruskannya.

“Saya memang bersyukur dan terharu dengan anak-anak, namun daripada sudut lain saya sedih memikirkan situasi mereka yang terpaksa berdepan pelbagai cabaran,” katanya.

Menurutnya, soal makan minum, kebiasaannya ahli keluarganya mahupun jiran akan menyediakannya.

Katanya, buat masa ini mereka bergantung kepada bantuan bulanan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah keseluruhan RM800.

“Kami bersyukur apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Permai, Mohd Jafni Md Shukor membina kemudahan serta membaik pulih rumah kami.

“Sejak ada kemudahan itu, anak tidak perlu ponteng sekolah kerana kami mampu bergerak sendiri ke dapur, ruang tamu mahupun ke tandas,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Usia muda tapi sudah galas tanggungjawab jaga ibu bapa strok

Mary Victoria Dass
am@metro.com.my



Muhammad Dasuki dan Siti Darina memberi jagaan kepada ibu bapa yang sakit, Siti Noorhaisha dan Mohd Hasry di Felda Bukit Batu so Kulai menerima perhatian daripada Mohd. Jafni. Foto ihsan Mohd. Jafni Md Shukor

Kulai: "Saya mengalami strok sebelah kanan, manakala suami pula sebelah kiri, namun kami bersyukur anak-anak walaupun kecil tapi memahami keadaan dan membantu sedaya upaya."

Begitu kata Siti Noorhaisha Othman, 36, apabila diserang strok kira-kira dua tahun lalu, sementara suaminya, Mohd Hasry Omar, 40, menerima nasib sama pada awal November tahun lalu.

Siti Noorhaisha dari Felda Bukit Batu, di sini, berkata keluarganya menerima ujian bertimpa mengakibatkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan anak-anak daripada aspek pengurusan diri.

"Ketika saya sakit, suami yang sebelum ini bekerja sebagai pemandu lori biasanya akan menguruskan saya sebelum keluar bekerja mahupun selepas pulang bekerja.

"Namun, selepas dia turut mengalami komplikasi kesihatan, kami terpaksa bergantung kepada anak-anak.

"Saya sedar begitu berat bagi mereka yang masih kecil apabila terpaksa memikul tanggungjawab menjaga kami, namun Allah memberikan mereka kekuatan," katanya.

Siti Noorhaisha berkata, anak sulungnya, Muhammad Dasuki Zakhwan, 10, dan adiknya Siti Darina Zaqiyah, 9, tidak pernah mengeluh ketika memberi jagaan kepadanya mahupun suami.

Menurutnya, sebelum ini anak-anaknya juga terpaksa ponteng sekolah bagi mengurus dia dan suami secara bergilir.

"Mereka memandikan, membersihkan kami, menukarkan lampin pakai buang, memberi ubat mahupun menyuaip makanan selain membersihkan rumah, mencuci pakaian serta menguruskan persekolahan mereka.

"Memang mereka tiada masa untuk bermain seperti kanak-kanak lain, sebaliknya hanya menemani kami ketika berada di rumah serta cuba menghiburkan kami.

"Alhamdulillah daripada keadaan saya mahupun suami yang pernah terlantar akibat strok, kini kami mampu bergerak perlahan. Suami bergerak menggunakan tongkat manakala saya bergerak dengan kerusi roda," katanya.

Siti Noorhaisha berkata, dia yakin anak-anak mampu menguruskan dia dan suami hasil pengalaman melihat dirinya mengurus ibunya yang sakit sebelum ini selain ketika suaminya menguruskannya.

"Saya memang bersyukur dan terharu dengan anak-anak, namun dari sudut lain saya sedih memikirkan situasi mereka yang terpaksa berdepan pelbagai cabaran," katanya.

Menurutnya, soal makan minum, kebiasaannya ahli keluarganya mahupun jiran akan menyediakannya.

Katanya, buat masa ini mereka bergantung kepada bantuan bulanan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah keseluruhan RM800.

"Kami bersyukur apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Permai, Mohd Jafni Md Shukor membina kemudahan serta membaik pulih rumah kami.

"Sejak ada kemudahan itu, anak tidak perlu ponteng sekolah kerana kami mampu bergerak sendiri ke dapur, ruang tamu mahupun ke tandas," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jenayah seksual babitkan guru institusi tahfiz kes terencil, tak gambar realiti sebenar



Oleh Latifah Arifin - September 16, 2025 @ 6:10am



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Kes jenayah seksual membabitkan segelintir guru di institusi tahfiz adalah kes terencil dengan tidak sampai satu peratus daripada jumlah madrasah berdaftar terbabit dalam kes sedemikian.

Penegasan itu dibuat Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (Permata Al-Quran) yang menekankan bahawa kes dilaporkan sama sekali tidak menggambarkan imej dan realiti sebenar majoriti madrasah tahfiz di negara ini.

Presidennya, Manolito Mohd Dahlan berkata pihaknya mengesakan sekeras-kerasnya sebarang bentuk penderaan seksual, liwat, buli, atau perilaku songsang yang mencemar kesucian institusi pendidikan al-Quran.

Katanya, perbuatan terbabit adalah satu jenayah, bercanggah dengan syariat Islam dan undang-undang negara serta pengkhianatan kepada amanah mendidik generasi pewaris al-Quran.

"Kami menyeru masyarakat dan media agar berlaku adil dan waras dalam menanggapi insiden ini.

"Janganlah kerana nila setitik dianggap telah rosak susu sebelanga sehingga menafikan sumbangan besar institusi tahfiz sejak berzaman dalam pembentukan generasi Huffaz yang terpacak jiwa Al-Quran, berilmu dan berakhlak.

"Sebagai perbandingan, sudah tentu kita juga tidak boleh menolak jasa dan keberkesanan sekolah-sekolah berasrama penuh, pusat latihan kadet dan pusat latihan berasrama lainnya yang turut berdepan cabaran gejala seksual, buli dan seumpamanya yang ada berlaku.

"Kebaikan dan jasa semua institusi terbabit sudah tentulah jauh lebih besar untuk dinafikan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Manolito berkata, dalam usaha meningkatkan keselamatan pelajar dan memulihkan keyakinan masyarakat, Permata Al-Quran tampil dengan empat inisiatif yang merangkumi aspek pemantauan, latihan kepada guru dan program pemulihan serta kaunseling.

"Daripada aspek memperketat pemantauan, kami melaksanakan audit prestasi berkala terhadap madrasah tahfiz berdaftar, termasuk pematuan undang-undang perlindungan kanak-kanak dan piawaian keselamatan.

"Kami turut menggalakkan pemasangan CCTV di kawasan kritikal seperti asrama dan laluan utama dengan pemantauan yang beretika.

"Selain itu, dari segi latihan dan profesionalisme guru, kami menyediakan modul latihan wajib berkaitan etika keguruan, kesedaran jenayah seksual dan prosedur pelaporan.

"Kami turut menetapkan keperluan saringan latar belakang dan tapisan kesalahan lampau bagi semua guru dan staf sebelum dilantik," katanya.

Manolito berkata, Permata Al-Quran turut menyediakan khidmat kaunseling trauma kepada mangsa serta program pemulihan bersepadu kepada pelajar dan kakitangannya.

Selain itu, katanya, pihaknya turut mempromosikan kerjasama dengan pakar psikologi, pihak berkuasa agama, dan Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Katanya, Permata Al-Quran turut komited untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan, polis dan agensi berkaitan bagi membanteras liwat, buli, LGBT dan gejala seumpamanya di madrasah tahfiz seluruh negara.

Selain itu, mereka turut menyokong penggubalan atau penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap pelaku.

"Sebagai langkah tambahan persatuan sebagai badan naungan nasional, pertama, kami menganjurkan madrasah mengadakan sistem pelaporan rahsia dan perlindungan saksi.

"Untuk tujuan itu, kami menyediakan saluran aduan sulit untuk pelajar dan ibu bapa yang dilindungi di bawah Akta

Kanak-Kanak.

"Turut dilaksanakan, pendidikan kesedaran kesalahan seksual berteraskan syariah. (Dilaksanakan) modul asas agar pelajar mengenali sempadan aurat, adab pergaulan dan hak mereka sebagai mangsa jika berlaku gangguan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek cabul budak perempuan sedang bersembunyi

Oleh **Zulhisham Isahak** - 16 September 2025



Seorang jurulatih wushu yang ditahan kerana disyaki mencabul kanak-kanak perempuan akan didakwa di mahkamah esok.- Gambar hiasan.

KULAI – Suspek yang didakwa mencabul seorang budak perempuan di sebuah kopitiam di Batu 19, di sini, kelmarin dipercayai kini sedang bersembunyi.

Ketua Polis Daerah Kulai, Asisten Komisioner Tan Seng Lee berkata, pihaknya sedang berusaha memburu suspek berdasarkan gambar dan maklumat yang diterima.

“Kes masih dalam siasatan polis,” katanya mengulas mengenai perkembangan terkini kes tersebut yang tular dalam media sosial.

Ditanya mengenai ada netizen yang menawarkan RM3,000 dan menyuruh memukul suspek jika berjumpanya, beliau menasihatkan orang ramai agar tidak mengambil tindakan sendiri yang melanggar undang-undang.

“Pihak polis tidak terima apa-apa aduan atau laporan berkaitan perkara ini (tawaran tersebut),” katanya dalam kenyataan hari ini.

Semalam, Seng Lee dilaporkan berkata, pihaknya sedang memburu seorang lelaki yang didakwa mencabul seorang kanak-kanak perempuan yang berusia sembilan tahun.

Beliau berkata, pihaknya ada menerima laporan polis berhubung kejadian tersebut yang berlaku pada pukul 7.30 petang.

“Kes disiasat bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017,” kata Seng Lee.- MalaysiaGazette